Biro Dakwah Amar Maaruf Nahi Munkar, Masjid Jamek Kampung Nakhoda

MIMBAR NAKHODA منبرنقهودا

BIL: 11 / 6 RAMADHAN 1435 / 4 JULAI 2014 PERCUMA UNTUK AHLI JEMAAH MASJID

RAMADHAN BULAN PEMBEBASAN

Hadhrat Maulana Muhammad Zakariyya Kandahlawi Rahmatullah ‘Alaih telah menukilkan, daripada Hadhrat Abu Sa’id Al-Khudri Radhiyallahu ‘Anhu meriwayatkan bahawa Hadhrat Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam telah bersabda:

عَنْ أَبِي سَعِيْدٍنِ الْخُدْرِى قَالَ قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ لِلهِ تَبَارَكَ وَتَعَالَى عُتَقَاءَ فِى كُلِّ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ يَعْنِى فِى رَمَضَانَ وَإِنَّ لِكُلِّ مُسْلِمٍ فِى كُلِّ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ دَعْوَةً مُسْتَجَابَةً. (الترغيب)

“Sesungguhnya setiap hari siang dan malam pada bulan Ramadhan, Allah Tabaraka Wa Ta’ala membebaskan begitu banyak sekali Ruh-ruh daripada Api Neraka, dan pada setiap orang Islam, pada setiap hari siang dan malam, doanya pasti akan diterima.” [At-Targhib & Fadhilat Ramadhan]

PENGAJARAN HADITS

Ada dinyatakan di dalam Hadits-hadits bahawa permohonan doa daripada orang-orang yang berpuasa adalah Mustajab. Dalam sebuah Hadits ada menyatakan bahawa doa diterima sewaktu Ifthar berbuka puasa tetapi pada ketika itu, manusia sibuk dengan makanan sehingga kebanyakan dari kalangan kita yang mengabaikan peluang ini. Doa Ifthar yang masyhur ialah:

اَللَّهُمَّ لَكَ صُمْتُ وَبِكَ آمَنْتُ وَعَلَيْكَ تَوَكَّلْتُ وَعَلَى رِزْقِكَ أَفْطَرْتُ

“Ya Allah, keranaMu daku berpuasa, kepadaMu daku beriman, dan kepadaMu daku bertawakkal berserah diri dan daku berbuka dengan rezeki yang datang daripadaMu.”

‘Abdullah Ibni ‘Amr Radhiyallahu ‘Anhu pernah membaca doa berikut ketika berbuka puasa:

اَللَّهُمَّ إِنِّى أَسْأَلُكَ بِرَحْمَتِكَ الَّتِىْ وَسِعَتْ كُلَّ شَىْءٍ أَنْ تَغْفِرَ لِى

“Ya Allah, daku memohon kepadaMu melalui Rahmat yang luas yang merangkumi segala sesuatu agar Dikau mengampuniku.”

Di dalam setengah kitab, diberitahu bahawa Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam pernah membaca:

يَا وَاسِعَ الْفَضْلِ إِغْفِرْ لِى

“Wahai Dikau yang mempunyai kurniaan yang luas, ampunilah daku.”


Banyak lagi doa yang dikaitkan dengan waktu Ifthar berbuka puasa tetapi tidaklah ditetapkan yang mana satu. Inilah ketikanya doa seseorang itu dimakbulkan, kemukakanlah segala hajat di hadapan Allah Subhanahu Wa Ta’ala khasnya di bulan Ramadhan sama ada di siang atau di malam hari kerana doa setiap orang Islam pasti akan diterima Allah.

شَهْرُ رَمَضَانَ ٱلَّذِىٓ أُنزِلَ فِيهِ ٱلْقُرْءَانُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَٰتٍ مِّنَ ٱلْهُدَىٰ وَٱلْفُرْقَانِ ۚ فَمَن شَهِدَ مِنكُمُ
ٱلشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ ۖ وَمَن كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ ۗ يُرِيدُ ٱللَّهُ بِكُمُ ٱلْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ
بِكُمُ ٱلْعُسْرَ وَلِتُكْمِلُوا۟ ٱلْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا۟ ٱللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَىٰكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Bulan Ramadhan yang padanya diturunkan Al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan menjelaskan perbezaan antara yang benar dengan yang salah, oleh itu sesiapa dari antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadhan atau mengetahuinya maka hendaklah dia berpuasa bulan itu dan sesiapa yang sakit atau dalam Musafir maka bolehlah dia berbuka, kemudian wajiblah dia berpuasa sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain, dengan ketetapan yang demikian itu Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan dan Dia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran, dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa sebulan Ramadhan, dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjukNya, dan supaya kamu bersyukur. [2:185]

Biro Dakwah Amar Maaruf Nahi Munkar, Masjid Jamek Kampung Nakhoda mengucapkan:

SELAMAT BERPUASA SEMPENA



BULAN RAMADHAN MUBARAK

1435 HIJRAH / 2014 MASIHI

KEPADA SELURUH UMMAT MUSLIMIN DAN MUSLIMAT

منجادى همب برتقوى

Mimbar Nakhoda ini diterbitkan secara mingguan oleh Biro Dakwah Amar Maaruf Nahi Munkar, Masjid Jamek Kampung Nakhoda, Jalan Nakhoda Tengah, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan dengan kerjasama Naqsyabandi Akademi Quran Sunnah Hadits, Madrasah Ulul Azmi, Kampung Sepakat Wira Damai, Batu Caves. Cetakan adalah terhad, maka digalakkan untuk difotostat dan diedarkan kepada orang lain, semoga Allah memberkati dan memberikan ganjaran pahala yang berterusan, Amin.

Ketua Editor: Ust. Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi
Penolong Editor: Sdr. Muhammad Taufiq

Biro Dakwah Amar Maaruf Nahi Munkar, Masjid Jamek Kampung Nakhoda

ALLAH BUKANLAH 'ARADH, BUKAN JISIM DAN BUKAN JAUHAR

Imam Abu Hafsh 'Umar Najmuddin Ibni Muhammad Ibni Ahmad An-Nasafi Al-Hanafi Al-Maturidi Rahmatullah 'Alaih (w.537H/1142M), di dalam kitabnya 'Aqaid An-Nasafi telah berkata:

"Maka alam itu dengan sekalian sukunya Muhdats jua, kerana ia sekalian A'yan dan A'radh. Maka A'yan itu yang baginya berdiri dengan adanya. Ia itu adakalanya Murakkab seperti Jisim, atau tiada Murakkab seperti Jauhar iaitu suku yang tiada bersuku iaitu Jauhar. Bermula A'radh itu yang tiada berdiri baginya dengan adanya, dan diadakan ia pada segala Jisim dan segala Jauhar, seperti segala warna, pada segala keadaan, dan pada segala citarasa makanan dan segala bau."

"Bermula, Yang Mengadakan yakni Yang Membaharui bagi alam ini iaitu Allah, Yang Esa, Yang Sedia, Yang Hidup, Yang Kuasa, Yang Maha Tahu, Yang Mendengar, Yang Melihat, Yang Menghendaki, Yang Berkehendak. Bukan Dia 'Aradh, dan bukan Dia Jisim, dan bukan Dia Jauhar, dan tiada dirupakan dan tiada dapat dihinggakan dan tiada dapat dibilang yakni tiada lebih daripada Esa, dan tiada bersetengah dan tiada bersuku, dan tiada bersusun, dan tiada berhingga dan tiada dapat diperikan dengan "Apa", dan tiada dengan "Betapa", dan tiada Dia bertempat pada suatu tempat, dan tiada berlaku atasNya suatu masa pun, dan tiada menyerupai Dia suatu pun, dan tiada keluar daripada 'IlmuNya dan QudratNya suatu apa pun."

TOKOH ISLAM

FATIMAH AZ-ZAHRA

Fatimah Radhiyallahu 'Anha merupakan anak perempuan Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam yang keempat dan yang paling bongsu. Beliau akan menjadi ketua bagi para wanita di Syurga. Beliau dilahirkan pada tahun pertama Dakwah Islam ketika Baginda Shallallahu 'Alaihi Wasallam berusia 41 tahun.Adalah diriwayatkan bahawa nama Fatimah yang bermaksud selamat dari api, telah diwahyukan oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Ketika usianya lebih kurang 15 tahun pada tahun kedua Hijrah, beliau telah dikahwinkan dengan 'Ali Ibni Abi Thalib dan tinggal bersama-samanya, di mana ketika itu Ali berusia 21 tahun. Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam amat mengasihi Fatimah di antara semua anak-anak perempuan Baginda yang lain. Apabila Baginda keluar dalam sesuatu perjalanan, beliaulah yang terakhir akan berpisah dari Baginda dan apabila Baginda kembali dari perjalanan, rumah Fatimah adalah rumah yang pertama sekali akan Baginda kunjungi.

Apabila 'Ali Radhiyallahu 'Anhu berniat untuk berkahwin dengan anak perempuan Abu Jahal, Fatimah merasa amat dukacita lalu mencurahkan kedukacitaannya itu kepada Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam. Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam berkata kepada 'Ali, "Fatimah adalah sebahagian daripadaku, sesiapa yang melukakannya maka bererti dia telah melukakan daku." Maka 'Ali pun segera membatalkan niatnya untuk berkahwin lain semasa hayat Fatimah.

Fatimah Az-Zahra bukan sekadar hanya puteri kepada Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam, namun beliau juga merupakan orang kepercayaan Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam. Beliau memiliki keperibadian yang sabar dan penyayang serta tidak pernah melihat atau dilihat oleh sebarang lelaki yang bukan Mahramnya. Rasulullah pernah berkata, "Fatimah merupakan bidadari yang menyerupai manusia."

Adapun lebih kurang 6 bulan selepas Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam wafat, Fatimah telah jatuh sakit. Pada suatu hari, beliau berkata kepada pembantunya, "Aku hendak mandi, siapkanlah air untukku." Kemudian, beliau pun mandi dan menukar pakaiannya, kemudian beliau mahu supaya katilnya ditempatkan di tengah-tengah bilik itu. Setelah itu, beliau pun berbaring di atas katil tersebut dengan mukanya mengadap ke arah Qiblat manakala tangan kanannya berada di bawah pipi kanannya, Lalu berkata, "Aku akan meninggal dunia sekarang."

Sejurus kemudian, beliau pun menghembuskan nafasnya yang terakhir pada malam Selasa 3 Ramadhan tahun 11 Hijrah ketika berusia 27 tahun. Dari pernikahannya dengan 'Ali Ibni Abi Thalib, beliau telah melahirkan 6 orang anak, 3 lelaki dan 3 perempuan iaitu Hassan dan Hussain, Zainab dan Ummu Kaltsum, manakala Ruqayyah dan Muhassan telah meninggal dunia ketika masih kecil.

زكاة فطرة رمضان

تعريف زكاة: ڤد بهاس برمقصود برسيه، سوچى، سوبور دان بركمبڠ. تعريف زكاة ڤد شرع اياله زكاة ديرى يڠ دواجبكن كأتس ستياڤ إينديۏيدو مسلم للاكى دان ڤرمڤوان ڤد بولن رمضان مڠيكوت شرط-شرط يڠ دتتڤكن.

فضيلة زكاة: دڤت منمڤوڠ ككوراڠن عبادة ڤواسا دان دڤت ممبنتو فقير مسكين ڤد هارى راى. حضرت إبن عباس رضى الله عنه بركاتا، "رسول الله صلى الله عليه وسلم مواجبكن زكاة فطرة سباڬاى ڤيوچين بوات اورڠ برڤواسا درڤد ڤربواتنڽ يڠ سيا-سيا دان كاتا-كاتا كجى دان سباڬاى مكانن بوات اورڠ مسكين. سسياڤ يڠ منونايكنڽ سبلوم صلاة هارى راى مك ايا مروڤاكن زكاة يڠ مقبول، سسياڤ يڠ منونايكن سلڤس صلاة، مك ايا دكيرا صدقه. كواجبن زكاة اداله كاتس ستياڤ مسلم بائيق يڠ مرديكا اتو همب، للاكى اتو ڤرمڤوان، كچيل اتو بسر.

قدر زكاة فطرة: سكنتڠ مكانن روجى تمڤتن سڤرتى برس، كندوم، جاڬوڠ دان سباڬينڽ دڠن كيراءن هارى إين برساماءن تيمباڠن متريكس اداله 2.60 كيلوڬرم.

وقت زكاة فطرة: وقت مولا دواجبكن زكاة اياله سبائيق سهاج مالم ڤرتام رمضان. **وقت أفضل** اياله سبائيق سهاج تربيتڽ ماتهارى 1 شوال هيڠڬا سبلوم صلاة هارى راى عيد الفطرى هندق ددیريكن. **وقت هاروس** اياله دسڤنجڠ بولن رمضان. **وقت مكروه** اياله سلڤس صلاة عيد هيڠڬا سبلوم تربنم ماتهارى 1 شوال. **وقت حرام** اياله سلڤس تربنم ماتهارى 1 شوال. **ڤنريما زكاة فطرة:** مان-مان أصناف يڠ لاڤن اياءيت فقير، مسكين، عامل ڤموڠوت زكاة، اورڠ يڠ برهوتڠ، همب، فى سبيل الله دان إبن سبيل. رسول الله صلى الله عليه وسلم برسبدا: "كاياكنله مريكا ڤقير مسكين درڤد ممينتا-مينتا ڤد هارى راى إين.

FADHILAT RAMADHAN

Abul-Laits meriwayatkan dengan sanadnya dari Abu Hurairah Radhiyallahu 'Anhu berkata, Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda,

"Ummatku diberikan oleh Allah pada setiap bulan Ramadhan dengan lima perkara yang tidak diberikan kepada ummat-ummat yang sebelumnya. 1) Bau mulut orang yang berpuasa adalah lebih harum di sisi Allah dari bau kasturi. 2) Malaikat memintakan keampunan untuk orang yang berpuasa hingga berbuka. 3) Syaitan-syaitan yang jahat dibelenggu sehingga mereka tidak bebas sebagaimana kebiasaannya. 4) Allah menghias Syurga setiap hari dan berfirman: "Hampir para hambaKu yang Shalih bebas dari keberatan dan gangguan dan kembali kepadamu." 5) Allah mengampunkan mereka pada akhir malam Ramadhan. Ditanya: "Ya Rasulullah, apakah itu Lailatul-Qadar?" Jawabnya: "Bukan, tetapi seorang buruh dibayar upahnya apabila telah selesai pekerjaannya."

[Tanbihul-Ghafilin]